



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 MENGENAI
PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN DAN JABATAN
PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI AUDITAN KHAS PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK
KEPADА ALAM SEKITAR, AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat secara bersiri seperti mana amalan tahun-tahun sebelumnya. Laporan yang dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada hari ini, iaitu pada 16 Februari 2023 terdiri daripada 16 naskhah seperti berikut:
 - 1.1. Tiga naskhah LKAN peringkat Persekutuan iaitu:
 - (a) LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan;

- (b) LKAN Tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan
 - (c) LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.
- 1.2. Sebanyak 13 naskhah LKAN peringkat negeri, iaitu LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri.
2. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

2.1. LKAN Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan

- (a) Pengauditan prestasi terhadap aktiviti Kerajaan dijalankan selaras dengan Perenggan 6 (d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa iaitu *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 3000 dan 3100. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti/projek/program Kerajaan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif yang ditetapkan telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta Kerajaan mendapat *best value for money*.

- (b) Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2, sebanyak 7 pengauditan prestasi bernilai RM66.862 bilion telah dilaksanakan melibatkan 7 kementerian. Daripada jumlah tersebut, 5 pengauditan melibatkan kategori program/aktiviti dan 2 melibatkan kategori projek.
- (c) Secara keseluruhannya, pelaksanaan aktiviti/projek/program Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan keberhasilan yang ditetapkan tidak tercapai sepenuhnya. Hal ini kerana wujud kecuaian dalam mematuhi peraturan/prosedur yang ditetapkan oleh Kerajaan serta kurang teliti semasa merancang program/projek/aktiviti.
- (d) Ketua Audit Negara telah mengemukakan 21 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian/jabatan/agensi Persekutuan yang diaudit.

2.2. LKAN Tahun 2021 Mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan

- (a) Pengauditan pematuhan telah dijalankan selaras dengan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pemborosan, pembaziran, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/ kerugian wang awam yang membawa kepada ketirisan wang awam.

- (b) Pada tahun 2021, 7 tajuk pengauditan pematuhan telah dilaksanakan di 3 kementerian dan 4 jabatan Persekutuan dengan jumlah semakan Audit RM1.127 bilion. Pengauditan dibahagikan kepada kategori Terimaan dengan jumlah semakan RM78.86 juta dan kategori Bayaran dengan jumlah semakan RM1.048 bilion.
- (c) Ketidakpatuhan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan berlaku isu kehilangan/kerugian wang awam, pembayaran tidak teratur dan pembaziran, yang secara keseluruhannya, berjumlah RM158.08 juta. Isu yang melibatkan kehilangan/kerugian wang awam adalah sejumlah RM116.95 juta, pembayaran tidak teratur sejumlah RM26.03 juta dan pembaziran sejumlah RM15.10 juta.
- (d) Ketua Audit Negara telah mengemukakan 22 syor untuk tindakan penambahbaikan oleh kementerian dan jabatan Persekutuan yang berkaitan.

2.3. LKAN Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

- (a) LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan mengandungi hasil pengauditan terhadap 6 syarikat Kerajaan Persekutuan. Pengauditan dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957 serta skop pengauditan yang dinyatakan dalam laporan.

- (b) Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat dengan meneliti 3 aspek iaitu pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan syarikat.
- (c) Secara keseluruhannya, 5 syarikat telah mencapai objektif penubuhannya; 2 syarikat menunjukkan tahap pemakaian amalan tadbir urus korporat yang baik; dan 3 syarikat mempunyai kedudukan kewangan yang stabil.
- (d) Ketua Audit Negara telah mengemukakan 35 syor kepada pihak pengurusan syarikat berkenaan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.

2.4. LKAN Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri

- (a) Jabatan Audit Negara telah menjalankan audit khas mengenai Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar melibatkan 9 negeri (Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu). Pengauditan bertujuan untuk menilai sama ada hutan telah diuruskan mengikut prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Ini bagi memastikan aktiviti hutan dapat memberi faedah daripada aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar, serta mengimbangi pelbagai keperluan untuk kepentingan generasi kini dan akan datang.

- (b) Selain pengauditan khas hutan, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 14 aktiviti kementerian/jabatan/agensi negeri yang melibatkan 2 kementerian (Sabah dan Sarawak), 31 jabatan dan 8 agensi kerajaan negeri. Pengauditan pengurusan syarikat pula telah dijalankan terhadap 8 syarikat kerajaan negeri. Pengauditan pematuhan turut dijalankan terhadap 2 kementerian (Sarawak), 25 jabatan dan 10 agensi kerajaan negeri.
- (c) Keseluruhan tajuk yang dilaporkan dalam LKAN pada kali ini ialah 65 tajuk yang merangkumi 13 negeri.
- (d) Ketua Audit Negara telah mengemukakan 214 syor, iaitu 184 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian/jabatan/agensi negeri serta 30 syor oleh syarikat kerajaan negeri yang berkenaan.
3. Untuk LKAN Tahun 2021 Siri 2, Jabatan Audit Negara meneruskan penerbitan LKAN secara cetakan buku dan format digital, iaitu *Card Drive* dan *QR Code* untuk tujuan pembentangan di hadapan Dewan Rakyat serta edaran kepada kementerian/jabatan/agensi dan *stakeholders*.
4. Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.

5. LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; LKAN Tahun 2021 mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan; dan LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 16 Februari 2023 selepas jam 10.05 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri hanya akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri masing-masing.
6. Isu-isu LKAN Tahun 2021 Siri 2 juga akan dimuat naik di Portal *Auditor General's Dashboard* (AGD) pada 16 Februari 2023 mulai jam 11 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan ini bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara
Malaysia

16 Februari 2023 M
25 Rejab 1444 H